

22 AUG 1996

LEAD Mahathir-Calon (Bergambar)

MAHATHIR RESTUI SENARAI CALON BN SARAWAK

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau merestui kesemua bakal calon Barisan Nasional (BN) yang disenaraikan untuk bertanding merebut 62 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak pada pilihan raya negeri 7 dan 8 Sept.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata senarai mutakhir calon itu dikemukakan kepadanya oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada pertemuan mereka hari ini.

Pertemuan itu berlangsung selama sejam di pejabat Perdana Menteri di sini.

Penamaan calon bagi pilihan raya itu akan diadakan Selasa ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi Presiden Carlos Menem dari Argentina di Hotel Shangri-La di sini petang ini, Dr Mahathir berkata: "Saya menyetujui senarai bakal calon BN itu, termasuk beberapa muka baru."

Katanya, beliau yakin senarai calon itu tidak akan dirombak lagi kerana "saya bersetuju semuanya (nama calon) yang dicadangkan Tan Sri Taib selaku Pengerusi BN Sarawak."

Presiden Menem tiba hari ini untuk lawatan lima hari ke Malaysia. Yang hadir sama sewaktu kunjungan hormat Dr Mahathir itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa selaku menteri pengiring.

Sementara itu di KUCHING, Taib, kembalinya dari Kuala Lumpur selepas menemui Dr Mahathir berkata bahawa: "Semuanya tidak ada masalah."

Taib juga berkata Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) akan bertukar-tukar kawasan dengan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) -- PBB akan bertanding di Kedup manakala PBDS di Belaga.

Calon-calon bagi kedua-dua kawasan akan terdiri daripada penduduk tempatan kawasan itu, katanya.

Beliau mengesahkan juga bahawa pembahagian enam kerusi yang baru diwujudkan dibahagikan mengikut nisbah 3:1:1:1 dengan PBB mengambil tiga kawasan dan PBDS, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) masing-masing mengambil satu kawasan.

PBB telah diperuntukkan Samariang, Nangka dan Jepak, PBDS (Kedup), SUPP (Senadin) dan SNAP (Ba'Kelalan). -- BERNAMA

ZAB AHM NMO